

## Menjejak Semangat ‘Kawi’: Langkawi sebagai Geopark

### Tracking the ‘Kawi’ Spirit: Langkawi as a Geopark

ONG PUAY LIU, NUR HAFIZAH YUSOFF & SHARINA ABDUL HALIM

#### ABSTRAK

Pada bulan Jun 2007, Kepulauan Langkawi menerima status ‘Global Geopark’ daripada GGN UNESCO, lantas menjadikan Langkawi, global geopark pertama di Malaysia dan Asia Tenggara, dan yang ke-52 di dunia. Geopark mendokong falsafah perlindungan, pendidikan dan pembangunan lestari suatu tapak warisan geologi yang mempunyai ciri-ciri geologi unggul dan jarang diketemui. Namun, satu ciri kelainan yang mengangkat status tapak warisan geologi sebagai ‘geopark’ adalah unsur ‘penggunaan’, iaitu wujudnya pertalian erat antara sumber geologi dengan cara hidup komuniti tempatan yang tinggal di sekitarnya. Justeru, konsep geopark mengiktiraf hubungan saling bergantungan dan bersepadu antara warisan tabii (geologi, biologi) dan warisan manusia (sosio-budaya, ekonomi). Matlamat geopark adalah untuk melahirkan komuniti manusia yang berpengetahuan tentang warisan tabii dan hubungannya dengan warisan sosiobudaya tempatan; menghayati kepentingan melindung dan pemulihara kedua-dua warisan tersebut; mengamalkan kegiatan lestari dan mesra warisan. Penulis makalah menyifatkan matlamat ke arah penghasilan ‘manusia berpengetahuan, berpenghayatan dan beramal’ yang terangkum dalam konsep geopark sebagai mendasari “semangat kawi” – suatu semangat yang mendokong prinsip perlindungan dan pemuliharaan warisan tabii dan warisan sosiobudaya manusia. Apakah semangat ‘kawi ini sudah terjelma dalam sanubari komuniti tempatan dan golongan yang terlibat dalam kegiatan memaju Langkawi kepada pelancong? Lebih khusus lagi, apakah konsep geopark sudah difahami? Tanpa pemahaman konseptual, komuniti tempatan dan pengusaha pelancongan tidak dapat membayangkan tujuan geopark serta tindakan yang perlu diambil. Keadaan ini menghadkan kesedaran tentang peranan mereka sebagai ‘penjaga’ dan ‘penerus’ Langkawi Geopark. Soalan-soalan ini menjadi pedoman perbincangan makalah ini dalam usaha untuk menjejak semangat ‘kawi’ dalam kalangan komuniti tempatan dan pengusaha pelancongan Langkawi.

Kata kunci: Langkawi Geopark, pelancong, pemuliharaan, warisan, pengusaha pelancongan

#### ABSTRACT

In June 2007, Langkawi Islands received the status “Global Geopark” from GGN UNESCO, thus making Langkawi the first global geopark in Malaysia and Southeast Asia, and the 52<sup>nd</sup> in the world. Geopark embodies the philosophy of protection, education and sustainable development of a specific geoheritage site characterised by unique and rare geological features. However, a distinctive feature that upholds the status of a geological site as a geopark is ‘usage’ – the existence of a close connectivity between geological resources and the way of life of the human community living in its vicinity. Hence, a geopark recognises the interdependent and integrated relationship between the natural heritage and human heritage. The aim of a geopark is to produce a community of people who are knowledgeable about the natural heritage, and the close relationship between these natural resources and the life of the people; who internalise the importance of protecting both natural and socio-cultural heritages; who carry out activities that are sustainable and heritage-friendly. The writers view this aim of producing people who know, internalise and actualise the concept of geopark as embodying the “kawi spirit” – a spirit that is moved by the principles of protection and conservation of natural and sociocultural heritage. Has this ‘kawi spirit’ emerged in the hearts of the local community and those promoting Langkawi to tourists? More specifically, have they understood the geopark concept? Without such conceptual understanding, the local community and tour operators will not be able to visualise the aim of a geopark and appropriate actions that need to be taken. This situation limits the understanding of their role as ‘guardians’ and ‘stewards’ of Langkawi Geopark. These questions serve as guiding principles for this article in an effort to track the ‘kawi’ spirit among the local community and tour operators at Langkawi.

Keywords: Langkawi Geopark, tour operators, tourists, heritage, conservation

## PENGENALAN

Kepulauan Langkawi diisytihar sebagai geopark oleh Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2006, dan diterima menjadi ahli Global Geoparks Network (GGN) (Ibrahim Komoo 2010), di bawah naungan UNESCO, pada Jun 2007. Pengiktirafan GGN UNESCO ini menjadikan Langkawi, global geopark pertama di Malaysia dan Asia Tenggara, dan yang ke-52 di dunia. Geopark mendokong falsafah perlindungan dan pemuliharaan suatu tapak warisan geologi yang mempunyai ciri-ciri geologi istimewa, unggul dan jarang diketemui. Namun, satu ciri kelainan yang mengangkat status tapak warisan geologi sebagai ‘geopark’ adalah unsur ‘penggunaan’, iaitu wujudnya pertalian erat antara sumber-sumber geologi ini dengan cara hidup komuniti tempatan yang tinggal di sekitarnya. Sejarah, amalan hidup, nilai, bahasa dan sistem kepercayaan komuniti tempatan yang berkembang melalui masa dan generasi bertaut rapat dengan sumber-sumber geologi (dan biologi) yang sedia ada.

Justeru, tapak warisan geologi yang diberi status geopark mengiktiraf hubungan saling bergantungan dan bersepada antara warisan tabii (geologi, biologi) dan warisan manusia (sosiobudaya, ekonomi). Matlamat pengiktirafan geopark adalah untuk melahirkan komuniti manusia yang berpengetahuan tentang kewujudan sumber-sumber geologi (dan biologi) di sesuatu kawasan, dan bagaimana sumber-sumber geologi dan biologi ini menjadi sebahagian daripada hidup komuniti tempatan; yang menghayati kepentingan melihat sumber-sumber geologi dan biologi yang unggul ini sebagai warisan tabii, dan cara hidup komuniti yang berasaskan sumber-sumber tabii sebagai warisan sosiobudaya; yang mengamalkan kegiatan lestari dan mesra warisan agar kedua-dua warisan tabii dan sosiobudaya terlindung dan terpulihara dalam keadaan yang akan memanfaatkan generasi akan datang. Matlamat ke arah penghasilan ‘manusia berpengetahuan, berpenghayatan dan beramal’ yang terangkum dalam konsep geopark, boleh dikatakan mendasari ‘semangat kawi,’ iaitu suatu semangat yang mendokong prinsip perlindungan dan pemuliharaan, pendidikan dan pembangunan lestari warisan tabii dan warisan sosiobudaya-ekonomi manusia.

Global Geoparks Network (GGN) anjuran UNESCO telah mengemukakan beberapa garis panduan dan kriteria yang perlu diikuti oleh Geopark Kebangsaan yang ingin mendapatkan bantuan UNESCO untuk menyertai GGN (lihat laman web UNESCO 2010 dan Halimatou et al. 2010). Terdapat tiga komponen asas dalam konsep geopark yang menyediakan ruang untuk membangun sesuatu geopark: (1) perlindungan dan pemuliharaan warisan; (2) pembangunan infrastruktur bersabit dengan pelancongan; dan (3) pembangunan sosio-ekonomi komuniti tempatan. Justeru, konsep geopark yang merangkumi tiga komponen asas tersebut

berbeza dengan konsep Taman Negeri dan Taman Negara. Meskipun geopark mengandungi komponen pemuliharaan dan perlindungan warisan tabii (geologi dan biologi), namun konsep tersebut mengiktiraf hubungan bersejarah dan bersepada antara warisan tabii ini dengan warisan sosiobudaya serta saraan ekonomi komuniti tempatan. Maka, geopark juga memberi ruang untuk pembangunan ekonomi dan pembangunan komuniti (Ibrahim Komoo 2010) demi peningkatan kesejahteraan hidup komuniti tempatan dan pemuliharaan warisan tabii dan sosiobudaya. Kedua-dua komponen pembangunan (ekonomi dan komuniti) dan pemuliharaan (warisan tabii dan sosiobudaya) sudah tentu memerlukan tindakan yang akan membawa perubahan kepada wajah Langkawi. Namun, diharapkan dengan adanya semangat ‘kawi,’ iaitu pengetahuan, penghayatan dan pengamalan keistimewaan warisan tabii dan warisan sosiobudaya Langkawi, segala usaha pembangunan dan pemuliharaan dilaksanakan secara berlestari, tanpa memusnahkan sumber-sumber sedia ada dan menjelaskan peluang generasi akan datang untuk menikmati keistimewaan sumber-sumber tersebut.

Apakah semangat ‘kawi’ ini sudah terjelma dalam sanubari komuniti tempatan Langkawi dan golongan yang terlibat dalam kegiatan memaju Langkawi kepada pelancong? Lebih khususnya, apakah konsep geopark sudah difahami? Tanpa pemahaman konseptual, komuniti tempatan dan pengusaha pelancongan tidak dapat membayangkan ciri-ciri yang ada pada geopark serta tindakan yang perlu diambil sejajar dengan status Langkawi sebagai geopark. Keadaan ini menghadkan kesedaran mereka tentang peranan mereka sebagai ‘penjaga’ dan ‘penerus’ Langkawi Geopark. Soalan-soalan ini menjadi pedoman perbincangan makalah ini dalam usaha menjelak semangat ‘kawi’ dalam kalangan komuniti tempatan dan pengusaha pelancongan Langkawi. Untuk memahami hubungan antara pemuliharaan dan pembangunan yang mempunyai tempat yang setaraf dalam konsep geopark, adalah perlu menyingkap kembali asal mula (*genesis*) dan intipati semangat yang mendasari pengwujudan geopark.

## MENYELAMI WARISAN DAN PEMULIHARAAN MELALUI KONSEP GEOPARK

Warisan umumnya dikatakan sebagai sesuatu yang diwarisi daripada generasi yang terdahulu. Ia merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan (Jabatan Warisan Negara 2008). Warisan kita adalah ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang diwariskan kepada kita melalui cara hidup, kepercayaan yang dijelaskan melalui objek budaya, dan menggambarkan memori keseluruhan hidup masyarakat serta melambangkan ketamadunan sesuatu

masyarakat itu. Secara umum warisan boleh dibahagikan kepada dua: warisan *tangible* dan warisan *intangible* (Othman Yatim 2005). Makna lain bagi kedua-dua warisan itu ialah warisan berbentuk nyata, rupa atau artifak ketara manakala artifak tidak ketara pula adalah warisan yang tidak nyata atau nampak seperti bahasa, sastera, kepercayaan, adat resam dan sebagainya. Sementara itu makna lain bagi perkataan pelestarian (Lestari) ialah pemuliharaan, khususnya untuk kedua-dua jenis warisan itu.

Dewasa ini, cabaran untuk memulihara warisan bukan hanya dari segi teknik pemuliharaan objek warisan dan kawasan yang bernilai warisan tinggi, tetapi juga dari segi konteks sosial bagaimana masyarakat menyelami maksud warisan, mendapat manfaat melalui nilai yang diperolehi serta bagaimana mereka memainkan peranan dalam memulihara warisan berdasarkan kehidupan sehari-hari (Rami, Mason & de la Torre 2000). Konteks sosial ini perlu didalaminya kerana masyarakat sering kali berubah mengikut peredaran zaman dan begitu juga usaha pemuliharaan warisan perlu bersifat dinamik untuk mengikuti arus perubahan.

Pada asasnya, pemuliharaan warisan boleh dikategorikan dalam beberapa aspek seperti alam tabii, budaya, landskap, monumen dan artifak (Howard 2003). Perbahasan mengenai pemuliharaan warisan sering kali dilakukan secara tersendiri, contohnya kajian mengenai pemuliharaan warisan alam tabii dilakukan tanpa membuat perkaian yang jelas dengan warisan budaya dan sebaliknya (Pilgrim & Pretty 2010). Oleh itu pemuliharaan warisan yang bersifat integratif atau bersepdua perlu ada untuk menghubungkan pelbagai aspek warisan supaya wujud pemahaman menyeluruh. Bagi mencapai hasrat pemuliharaan warisan yang terintegratif khususnya dalam sebuah geopark, pendidikan merupakan strategi penting untuk menyebar maklumat, meningkat kesedaran awam dan memperkuuh pengetahuan mengenai warisan yang ingin dipulihara seterusnya dapat menerap rasa nilai sepunya dalam kalangan masyarakat setempat.

Geopark berpotensi menjadi penghubung dalam mewujudkan pemuliharaan warisan yang terintegratif, iaitu meliputi aspek-aspek kepelbagaian geologi, kepelbagaian biologi dan kekayaan sosiobudaya serta tradisi masyarakat. Pendekatan pemuliharaan warisan geopark membuktikan bahawa semua aspek warisan ini saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain.

‘Geopark’ adalah satu kata gabungan daripada dua kata asas, ‘geo’ dan ‘park.’ *Geo* bererti Bumi (sebagai *planet*), dan sumber-sumber yang ada pada Bumi, dulu, sekarang dan akan datang. Umur Bumi ialah kira-kira 4600 juta tahun (McKeever 2009: 10). Batuan, fosil, tanah, bentuk muka bumi, proses geologi – semua ini membentuk topografi, landskap dan struktur dalam Bumi. Penyenaraian sumber-sumber ini memberitahu kita dua perkara: dari segi kualiti, sumber-sumber Bumi bukan tunggal atau tetap, tetapi pelbagai dan dalam keadaan

yang berbeza dari segi saiz, isipadu dsb; dari segi fungsi, setiap satu sumber ada fungsinya kepada pembentukan dan penerusan Bumi. Kepelbagaian sumber Bumi dari segi fungsi dan kualiti, dikatakan sebagai ‘kepelbagaian geo’ (*geodiversity*). Apa yang istimewa tentang ‘kepelbagaian geo’ ini? Keistimewaan pertama adalah bahawa *kepelbagaian geo* ini sudah wujud beribu juta tahun. Hakikat ini bererti sumber-sumber kepelbagaian geo merupakan warisan Bumi yang diturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi. Keistimewaan kedua adalah hakikat bahawa sumber-sumber kepelbagaian geo merupakan warisan yang bertahan begitu lama di Bumi meskipun terdedah kepada peredaran masa dan kuasa-kuasa alam sekitar, sumber-sumber kepelbagaian geo ini telah menyumbang kepada penerusan hayat Bumi termasuk manusia, haiwan dan tumbuhan. Keistimewaan ketiga, khususnya kepada manusia yang hidup dalam lingkungan geo tertentu, adalah hakikat bahawa manusia telah mencipta dan menenun satu hubungan simbiotik dan simbolik dengan lingkungan geo masing-masing, sehingga cara hidup, sistem nilai dan kepercayaan serta pandang dunia mereka mempunyai pertalian timbal balik (*connectivity*) dengan lingkungan geo di sekitar mereka. Sinergi (hubungan kerjasama) antara manusia dan lingkungan geo membuat manusia sedar tentang saling bergantungan antara manusia dan alam sekelilingnya, dan tiada satu pihak yang lebih penting daripada pihak lain. Dalam hal ini, manusia telah menurunkan wasiat bahawa segala tindakan perlu didorong oleh semangat menjaga pertalian simbiotik yang bersejarah antara manusia dan lingkungan geo.

*Park* (atau Taman), yang merupakan kata dasar kedua pada kata gabungan geopark, menggambarkan satu kawasan hutan, diurus secara formal dan dilindungi oleh pihak berkuasa untuk tujuan perlindungan hutan dan/atau landskap, lazimnya kombinasi ‘geo’ dan ‘park’ menjadi ‘geopark’ memberi gambaran satu kawasan yang dikatakan istimewa disebabkan keunikan ciri-ciri geo yang mungkin tidak terdapat di tempat lain. Ciri-ciri geo ini dianggap sebagai aset dan sumber, yang membawa nilai kepada manusia yang hidup di sekelilingnya.

Geopark bertujuan meningkatkan nilai warisan sumber aneka geo Bumi, dengan menyediakan rangka panduan dan kriteria bagaimana untuk memulihara dan membangun sumber aneka geo Bumi. Namun, kata kunci ‘geo’ pada perkataan ‘geopark’ memberi tafsiran bahawa hanya sumber-sumber aneka geo sahaja yang diberi perhatian. ‘Geo’ bererti Bumi, maka, bukan sahaja sumber geo, tetapi juga sumber biologi dan budaya manusia yang harus terangkum dalam perkataan ‘geopark.’ Manusia sebagai makhluk yang mempunyai keupayaan menaakul, berbahasa, mencipta dan bertindak mengikut kemahiran masing-masing, mempunyai kedudukan istimewa dalam warisan lingkungan geo dan bio ini. Geopark membolehkan orang tempatan mendapat manfaat sosio-ekonomi melalui kegiatan berasaskan warisan geo-bio-manusia yang terangkum dalam

geopark, di samping menyumbang kepada pemuliharaan warisan geo-bio-manusia ini. Pemuliharaan bererti penjagaan sumber-sumber geo-bio-manusia, agar nilai warisan sumber-sumber berkenaan dapat dikenalkan dan hayat fizikal mereka dapat dilanjutkan. Pemuliharaan melibatkan usaha untuk menambahbaik dan menghentikan kemusnahan/kerosakan keadaan sumber geo-bio-manusia. Pemaktuban Langkawi sebagai global geopark ke-52 UNESCO dapat membantu proses pemeliharaan dan pemuliharaan warisan geo-bio-manusia yang istimewa buat Langkawi.

‘*Kawi*’, salah satu kata asas dalam kata penuh ‘Langkawi’ dikatakan merujuk kepada sejenis batu berwarna ‘merah’ yang terdapat di Langkawi. ‘*Lang*,’ kata asas kedua, merujuk kepada helang, yang banyak terdapat di Langkawi. Helang melambangkan semangat membuat sesuatu berdasarkan tujuan yang jelas dan tepat pada sasaran. Justeru, tajuk makalah ini, ‘menjejak semangat ‘*kawi*’: Langkawi sebagai geopark,’ cuba menjelajahi semangat helang yang juga berwarna seperti kawi (merah-kecoklatan) dalam kalangan komuniti tempatan dan golongan yang terlibat dalam pembangunan Langkawi, agar segala sumber geo, bio dan budaya di Langkawi dilindungi dan dipulihara. Hasil usaha perlindungan dan pemuliharaan warisan ini adalah kegunaan dan keindahan warisan Langkawi Geopark dapat dimanfaatkan oleh generasi masa kini dan seterusnya.

Satu komponen utama dalam proses perlindungan dan pemuliharaan Langkawi sebagai geopark adalah penyertaan pihak-pihak berkepentingan. Namun, penyertaan mereka bergantung kepada pemahaman tentang konsep geopark dan Langkawi sebagai geopark. Tanpa pemahaman konseptual, pihak-pihak berkepentingan tidak dapat membayangkan ciri-ciri yang ada pada geopark dan apakah tindakan yang perlu mereka ambil sejajar dengan status Langkawi sebagai geopark. Pihak berkepentingan yang diberi perhatian dalam makalah ini adalah orang tempatan, pelancong dan pengusaha pelancongan.

#### MENJEJAK SEMANGAT ‘KAWI’: KEADAAN DARI BAWAH

Salah satu kriteria yang ditetapkan oleh GGN UNESCO yang perlu diberi perhatian dalam permohonan geopark baru untuk menjadi ahli GGN adalah penglibatan dan sokongan kuat komuniti tempatan, yang dikembangkan melalui proses ‘bawah-atas’ (UNESCO 2010). Menurut GGN UNESCO, kejayaan sesuatu geopark hanya dapat tercapai melalui penglibatan tinggi daripada komuniti tempatan. Berikut beberapa petikan daripada Garis panduan GGN UNESCO yang mengetengahkan penglibatan tempatan, sama ada komuniti, pihak berkuasa maupun industri tempatan (UNESCO 2010):

... The initiative to create a Geopark must therefore come from local communities/authorities with a strong commitment to developing and implementing a management plan that meets the community and economic needs of the local population whilst protecting the landscape in which they live.

... A Geopark shall involve public authorities, local communities, private interests and both research and educational bodies, in the design and running of the Geopark and its regional economic and cultural development plan and activities. This co-operation shall stimulate discussion and encourage partnerships between the different groups having a vested interest in the area and motivate and mobilise local authorities and the local population (UNESCO 2010).

... Sustainable tourism and other economic activities within a Geopark can only be successful if carried out in cooperation with local communities. Tourism activities have to be specially conceived to match local conditions and the natural and cultural character of a territory and must fully respect the traditions of the local populace. Demonstrable respect, encouragement and protection of local cultural values is a crucial part of the sustainable development effort. In many regions and countries, it is vital to involve the indigenous population in the establishment of a Geopark.

Satu tema penting dalam semua petikan di atas adalah penglibatan komuniti tempatan dalam pembentukan, pengurusan dan pembangunan sesebuah geopark. Sekiranya komuniti tempatan yang tinggal di sekitar tapak warisan geologi yang diiktiraf sebagai ‘Geopark’ terlibat secara aktif dan langsung, ini akan meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan penghayatan tentang geopark, seterusnya menggalakkan mereka untuk turut menyumbang kepada kejayaan Geopark yang ada di sisi mereka. Komuniti tempatan, sama ada orang awam maupun pengusaha tempatan, akan berusaha untuk mengadakan aktiviti yang akan meningkatkan nama Geopark mereka. Seperti dinyatakan dalam garis panduan GGN UNESCO, penglibatan komuniti tempatan dalam aktiviti berkaitan dengan Geopark tersebut, khususnya aktiviti geopelancongan dan aktiviti ekonomi lain akan memperkuuh identifikasi komuniti tempatan dengan geopark, dan meningkatkan rasa bangga mereka terhadap warisan geologi dan warisan sosiobudaya ‘kepunyaannya mereka.’ Inilah intipati semangat ‘*kawi*’ yang ingin diterokai dan dipupuk dalam sanubari anggota komuniti tempatan dan semua pihak yang terlibat agar semua pihak akan berganding bahu, mendokong nilai sepunya dan memainkan peranan bersama demi melindung, memulihara dan membangunkan khazanah warisan tabii dan sosiobudaya yang terdapat dalam tapak warisan geologi yang diberi status geopark.

Bagaimana keadaan penglibatan komuniti tempatan dan pengusaha pelancongan di Kepulauan Langkawi? Apakah mereka sudah menghayati maksud geopark dan menggarap keistimewaan Langkawi sebagai geopark? Apakah mereka rasa bangga dan terdorong untuk turut serta dalam menjaga warisan Langkawi? Bahagian seterusnya mempersempitkan keadaan dalam kalangan penduduk tempatan di Kuala

Teriang dan pengusaha pelancongan yang beroperasi di Langkawi, serta pelancong yang datang ke Langkawi.

### KOMUNITI TEMPATAN DI KUALA TERIANG, LANGKAWI

Nama geopark memang tidak asing kepada penduduk Langkawi, demikian menurut 200 penduduk Kuala Teriang, Langkawi yang terlibat dalam tinjauan mengenai pemahaman mereka tentang konsep geopark dan Langkawi sebagai geopark. Kesemua responden mengetahui Langkawi telah diisytiharkan sebagai sebuah geopark oleh UNESCO. Antara sumber yang membekalkan maklumat tersebut adalah media massa seperti radio, surat khabar dan brosur; melalui seminar dan ceramah, khususnya oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Daripada maklum balas yang diberikan oleh responden, beberapa perkataan kunci dapat dikenalpasti mengenai maksud geopark, iaitu kawasan batuan jutaan tahun, kawasan bernilai sejarah, tempat tumpuan pelancong, tempat menarik dan penglibatan penduduk, seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Kefahaman Mengenai Geopark

Ciri Geopark	Bilangan	Peratus (%)
Kawasan batuan berusia jutaan tahun	86	43
Kawasan yang mempunyai nilai sejarah	83	42
Kawasan berusia jutaan tahun, mempunyai tempat menarik dan penduduk tempatan terlibat dalam aktiviti berkaitan geopark	31	15
Jumlah	200	100

Sumber: Nur Hafizah Yusoff (2010 Data kerja lapangan)

Daripada Jadual 1, terdapat seramai 43 peratus responden Kuala Teriang memahami geopark sebagai kawasan batuan berusia jutaan tahun. Kawasan batuan ini dikatakan terbentuk secara alamiah dan menjadi daya penarik kepada keindahan sesuatu kawasan. Seramai 42 peratus responden pula mengatakan geopark adalah kawasan yang mempunyai nilai sejarah tinggi, sementara 15 peratus responden mengatakan geopark merangkumi kawasan batuan berusia jutaan tahun, mempunyai tempat menarik dan penduduk tempatan terlibat dalam aktiviti berkaitan dengan geopark. Kalau dipadankan dengan maksud geopark yang diberikan di bahagian awal makalah ini, juga oleh Ibrahim Komoo (2010), boleh katakan kefahaman responden seperti disenaraikan dalam Jadual 1 adalah bersesuaian. Namun, apabila diperhalusi didapati hanya 15 peratus responden yang mempunyai kefahaman yang mantap tentang maksud geopark, kerana mereka dapat melihat geopark sebagai gabungan antara warisan tabii dan warisan budaya

manusia melalui penglibatan aktifiti berkaitan dengan geopark.

Secara lebih khusus berkaitan dengan pemahaman responden tentang maksud Langkawi Geopark, daripada 200 responden, seramai 43 peratus responden mengatakan Langkawi Geopark adalah kawasan batuan berusia jutaan tahun seperti yang terdapat di Kilim. Seramai 30 peratus responden pula mengatakan Langkawi Geopark bukan sahaja kawasan batuan berusia jutaan tahun, tetapi juga merupakan destinasi menarik untuk pelancong. Dalam pada itu, seramai 24 peratus responden melihat Langkawi Geopark sebagai tempat bersejarah, penuh dengan mitos dan lagenda. Selebihnya, tiga peratus responden melihat Langkawi Geopark sebagai kawasan berusia jutaan tahun, mempunyai keindahan flora dan fauna, serta ada penglibatan penduduk tempatan.

Dari segi penglibatan aktiviti berkaitan Langkawi sebagai geopark, keadaan ini tidak terserlah dalam kalangan responden Kuala Teriang. Hal ini kerana mereka tidak menganggap diri mereka sebagai sebahagian daripada Langkawi Geopark. ‘Langkawi Geopark’ ini seolah-olah ‘di sana,’ ‘di luar hidup mereka,’ ‘di luar kawasan mastautin mereka’. Kenapa keadaan ini wujud? Pada pandangan responden Kuala Teriang, kawasan yang terangkum dalam Langkawi Geopark adalah kawasan seperti Sungai Kilim, Gunung Machinchang dan Pulau Dayang Bunting. Ketiga-tiga kawasan ini dikatakan ada keistimewaan alam masing-masing, dan menurut responden, penduduk yang tinggal di Kilim, Machinchang dan Dayang Bunting dapat terlibat dalam aktiviti berkaitan dengan geopark. Sebagai contoh, dengan adanya Sungai Kilim, penduduk Kilim berpeluang menjadi pengusaha bot dan pengusaha pelancongan, serta berurus niaga runcit. Sebaliknya, kawasan Kuala Teriang tidak ada keistimewaan alam tertentu. Maka, tidak wujud peluang untuk penduduk Kuala Teriang terlibat dalam aktiviti berkaitan dengan geopark.

Dari segi faedah adanya status Langkawi sebagai geopark, seramai 175 (88 peratus) responden bersetuju status sebagai Langkawi Geopark ada faedahnya, sementara 25 (12 peratus) yang lain kata tiada faedah. Faedah yang dimaksudkan adalah penambahan bilangan pelancong ke Langkawi. Bagi responden yang kata tiada faedah, hal ini kerana sebelum adanya status geopark, Langkawi sudahpun terkenal sebagai pulau pelancongan, dan sudah ramai pelancong yang datang ke Langkawi. Bagi responden Kuala Teriang, status geopark tidak mengubah bilangan kehadiran pelancong ke Langkawi kerana kebanyakan pelancong yang datang ke Langkawi adalah atas dasar membeli belah dan teruja dengan keindahan alam semulajadi, bukan kerana status Langkawi sebagai geopark.

Kalau diteliti lebih lanjut maklum balas 200 responden Kuala Teriang, boleh dikatakan pemahaman mereka tentang maksud geopark masih tidak menepati

takrifan yang diberikan oleh GGN UNESCO. Para responden tidak menyebut perkataan ‘perlindungan,’ ‘pemuliharaan,’ ‘warisan,’ atau ‘pembangunan mesra warisan.’ Para responden sekadar boleh menamakan kawasan yang mereka fikir merupakan kawasan geopark. Dari segi penglibatan dalam bentuk aktiviti ekonomi, seperti aktiviti geopelancongan atau pemprosesan makanan daripada sumber alam, responden Kuala Teriang mengaku mereka tidak ada kesempatan sebegini, berbanding dengan penduduk di Kilim, Machinchang atau Pulau Dayang Bunting. Walau bagaimanapun, tidak ada responden Kuala Teriang yang menolak konsep geopark dan kewujudan Langkawi sebagai geopark. Sebaliknya, mereka merasa bangga bahawa Langkawi menerima status geopark daripada satu badan antarabangsa seperti UNESCO. Bibit semangat ‘kawi’ sudah ditanam dalam sanubari responden Kuala Teriang, namun pendidikan mengenai geopark dan apa mereka boleh lakukan perlu diadakan supaya mereka boleh mengusahakan aktiviti dan memainkan peranan aktif melindungi Langkawi Geopark.

#### PENGUSAHA PELANCONGAN DI LANGKAWI

Pelancongan merupakan satu sektor industri utama di Langkawi, dan berperanan sebagai sumber pekerjaan serta penjanaan pendapatan bagi pihak berkuasa, swasta dan komuniti tempatan. Namun, pengiktirafan Pulau Langkawi sebagai ‘global geopark’ pada tahun 2007 mengubah sifat pelancongan di Langkawi. Jenis pelancongan yang ingin dimajukan oleh sesuatu kawasan yang dikurniakan status geopark bukannya pelancongan massa dan pelancongan yang sekadar memuaskan indera (misalnya membeli belah, menikmati keindahan pulau, alam tabii, laut). Sebaliknya, jenis pelancongan yang dimajukan adalah geopelancongan, sesuai dengan kewujudan tapak warisan geologi yang mempunyai ciri-ciri geologi (dan biologi serta sosiobudaya) yang istimewa, tersendiri dan jarang diketemui.

Justeru, di Langkawi, sesuai dengan kurniaan status sebagai global geopark bawah UNESCO, pelancongan yang berteraskan geopelancongan merupakan produk utama yang ingin dimajukan kepada para pelancong. Geopelancongan mendokong prinsip perlindungan dan pemuliharaan warisan geologi unggul di Langkawi. Matlamat geopelancongan adalah supaya para pelancong yang melawat Langkawi akan dapat menambah pengetahuan mereka tentang konsep geopark dan menjadi lebih peka terhadap kepentingan warisan dan peranan masing-masing untuk melindung dan memulihara warisan tersebut.

Dalam hal ini, satu golongan manusia yang berperanan penting dalam mempastikan matlamat melahirkan pelancong berpengetahuan dan peka tentang geopark adalah pengusaha pelancongan. Pengusaha pelancongan berfungsi sebagai pelaku utama dalam

kejayaan Langkawi sebagai ‘geotaman global.’ Sebagai ‘pemedagang’ dan ‘pemasar,’ pengusaha pelancongan memainkan peranan penting dari segi menjual dan mempromosi Langkawi kepada pasaran pelancongan. Seperti barang pasaran lain, Langkawi sebagai tempat pelancongan, sudah menjadi sebahagian daripada proses pemedagangan dan pemerasaran. Sumber-sumber yang dianggap berpotensi ditukar kepada ‘barang,’ dan diberikan satu nilai pertukaran. Pengusaha pelancongan berfungsi sebagai pengeluar barang ini, iaitu dalam bentuk produk dan pakej pelancongan. Setiap pengeluaran produk perlu dipasarkan melalui media pengiklanan. Promosi awam (public promotion) barang ini dengan tujuan mencipta satu pasaran untuk barang tersebut dikatakan sebagai ‘pemedagangan’ (Dahlan 1990:142; Ong 2008). Dalam urusan perniagaan pelancongan sehari-hari, adakah pengusaha pelancongan ini menjual dan mempromosi Langkawi sebagai ‘geopark?’ Malah, adakah pengusaha pelancongan faham maksud geopark dan apakah nilai Langkawi sebagai sebuah geopark, di samping peranan mereka sebagai ‘duta’ (ambassadors) Langkawi geopark? Lebih khusus lagi, apakah pengusaha pelancongan ini didorong oleh semangat ‘kawi’ dalam usaha mereka mempromosi Langkawi kepada para pelancong?

Data berkaitan dengan pengusaha pelancongan diperolehi melalui tiga sumber: kerja lapangan yang diadakan pada bulan Disember 2008; satu sesi perbincangan kumpulan terfokus (focused group discussion) pada 29 Jun 2009 bersama 11 orang pengusaha pelancongan di Langkawi; dan penyertaan langsung bersama syarikat pengusaha pelancongan, Junglewalla Tours, untuk dua pakej *Langkawi Geopark special interest tours* bernama ‘Geopark tour’ dan ‘Cultural tour.’ Soalan-soalan yang dikemukakan kepada pengusaha pelancongan adalah berdasarkan lima kategori asas berkaitan dengan Langkawi Geopark, iaitu pengetahuan dan pemahaman, nilai dikongsi bersama, manfaat dan peluang, peranan dan tanggungjawab, dan pemerkasaan.

#### PENGETAHUAN DAN PEMAHAMAN

Semua pengusaha pelancongan yang ditemui sepanjang kerja lapangan mengatakan mereka tahu Langkawi adalah sebuah geopark. Namun, kebanyakan pengusaha pelancongan ini mengakui pengetahuan dan pemahaman mereka tentang maksud sebenar geopark amat minimal. Hal ini, antara lain, adalah kerana kesemua pengusaha pelancongan ini tidak terlibat dalam perancangan dan buat-putusan mengenai Langkawi Geopark. Kekaburuan dari segi erti geopark dicerminkan melalui jawapan yang diberikan, antara lain, geopark adalah: mengenai manusia, budaya, gunung dan alam semulajadi; berkaitan dengan banyak lagenda dan pulau; mengenai pemuliharaan sumber geologi untuk tujuan penyelidikan dan

pendidikan; mengenai batu-batan purba dan pembentukan batuan di Langkawi; dan landskap semulajadi, kaya dalam geologi.

Apabila ditanya apakah tahap pengetahuan dan pemahaman tentang Langkawi sebagai geopark, hanya seorang (09 peratus) daripada 11 pengusaha pelancongan mengatakan amat tinggi (iaitu, yang mewakili Junglewalla Tours). Empat orang (36 peratus) pengusaha pelancongan mengatakan pengetahuan dan pemahaman mereka adalah sederhana; sementara lima orang (46 peratus) pengusaha pelancongan, mengatakan pengetahuan dan pemahaman mereka minimal, dan seorang (09 peratus) tidak tahu dan tidak faham langsung. Bagi pengusaha pelancongan ini, kawasan-kawasan geopark di Langkawi adalah seperti Gunung Machincang, Kilim Geoforest Park, Makam Mahsuri, Tasik Dayang Bunting, kereta kabel, Pulau Singa dan Pulau Payar.

Terdapat beberapa pengusaha pelancongan berkata mereka pernah menghadiri kursus pemandu pelancongan mengenai geopark, khususnya kursus kesedaran awam tentang pemuliharaan sumber geowarisiran yang diadakan pada tahun 2007 dan 2008, anjuran Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

#### NILAI-NILAI YANG DIKONGSI BERSAMA MENGENAI LANGKAWI SEBAGAI GEOPARK

Kesemua pengusaha pelancongan mengatakan mereka menganggap Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan di Malaysia yang mempunyai daya tarikan tinggi, sejak dari dulu lagi sebelum pengisytiharan Langkawi sebagai global geopark. Mereka melihat penglibatan dalam sektor pelancongan sebagai satu kerjaya yang boleh mendatangkan manfaat tinggi. Industri pelancongan di Langkawi adalah berasaskan tarikan-tarikan yang berpotensi menarik perhatian bakal pelancong, seperti kekayaan kepelbagaiannya bio, kepelbagaiannya geo dan tarikan budaya, yang membekalkan kepelbagaiannya aktiviti sesuai dengan kecenderungan dan citarasa pelancong. Motivasi untuk menjadi pengusaha pelancongan amat tinggi disebabkan potensi industri pelancongan Langkawi yang memberangsangkan. Menurut mereka, tanpa status sebagai global geopark, Langkawi masih dapat menarik minat para pelancong. Status Langkawi sebagai global geopark sekadar menambah nilai tarikan pelancongan Langkawi.

Kenapa pengusaha pelancongan berpandangan sebegini? Menurut mereka, sejak tahun 1980an, Langkawi sudah dikenali sebagai Pulau Bebas Cukai, dan tahun demi tahun, bilangan pelancong ke Langkawi meningkat, menyebabkan Langkawi digelar sebagai destinasi pelancongan utama di Malaysia, rantau Asia Tenggara dan arena antarabangsa, seperti digambarkan dalam Jadual 2. Di samping itu, kesemua pengusaha

pelancongan secara sebulat suara suka pada gelaran ‘99 Magical Islands,’ satu *tagline* yang seolah-olah meletakkan Pulau Langkawi dalam alam mistis atau ghaib.

JADUAL 2. Ketibaan Pelancong ke Langkawi

Tahun	Bilangan (Orang)
2005	1,810,000
2006	1,840,000
2007	2,110,000
2008	2,300,000
2009	2,380,000

Sumber: Langkawi Development Authority (2010)

Apabila ditanya mengenai produk utama Langkawi, tidak ada pengusaha pelancongan yang mengatakan ‘geopark.’ Seorang pengusaha pelancongan tidak pasti apakah produk utama Langkawi. Bagi pengusaha pelancongan lain, produk utama Langkawi termasuk 99 pulau, lagenda Mahsuri, Tasik Dayang Bunting, kereta kabel, Gunung Machinchang, paya bakau, Kilim Geoforest Park (bertaraf dunia, menurut seorang pengusaha pelancongan), Tujuh Telaga, pinakel batu, gua dan fosil.

Pengusaha pelancongan seterusnya ditanya pandangan mereka tentang kesesuaian produk-produk utama yang disebut di atas dengan status Langkawi sebagai geopark. Kebanyakan pengusaha pelancongan tidak tahu bagaimana menjawab soalan ini. Enam pengusaha pelancongan tidak dapat menjawab. Dua pengusaha pelancongan mengatakan kereta kabel, paya bakau dan pulau adalah sesuai dan mencirikan Langkawi Geopark. Bagi seorang pengusaha pelancongan, pembentukan batu-batuan mencirikan Langkawi Geopark. Seorang pengusaha pelancongan mengatakan status geopark akan memanfaatkan penduduk dan ekonomi Langkawi, dan menjadikan Langkawi terkenal pada peringkat antarabangsa. Seorang pengusaha pelancongan mengatakan pengusaha pelancongan dan pelancong yang datang ke Langkawi hanya minat melihat alam semulajadi, bukan ‘geopark.’

Secara keseluruhan, kesemua pengusaha pelancongan menerima status Langkawi sebagai geopark, dan mengakui banyak manfaat dapat dinikmati daripada status ini. Terutama sekali, status geopark akan memanfaatkan golongan pelajar dan penyelidik disebabkan geopark mempunyai komponen pendidikan, yang pada akhirnya bertujuan untuk menghasilkan penduduk dan pelancong yang berpengetahuan/berilmu. Juga, menurut pengusaha pelancongan ini, Langkawi geopark adalah satu-satunya global geopark yang mempunyai status bebas cukai. Sebagai sebuah geopark, warisan geologi akan dijaga dan dilindungi, yang seterusnya akan menjamin penjagaan flora dan fauna di pulau tersebut.

Terdapat beberapa pengusaha pelancongan yang ditemui menyebut Langkawi geopark dalam laman web mereka, dan ada juga yang mempunyai pakej pelancongan yang menggunakan nama ‘geopark.’ Sebagai contoh, laman web syarikat pelancongan *Junglewalla Tours* (<http://www.junglewalla.com/>). Junglewalla Tours adalah sebuah syarikat pelancongan yang menawarkan pelancongan berasaskan alam semulajadi, dengan pakej alam termasuk pelayaran paya bakau dan batu kapur, memerhati burung, jalan di hutan, trekking hutan, dan berbasikal menyaksikan matahari terbit. Junglewalla juga telah merekabentuk satu pakej pelancongan istimewa, yang merangkumi pakej lawatan Geopark Kilim, pakej lawatan cara hidup Langkawi, dan Fotografi Alam dan Haiwan. Cara pengiklanan kreatif Junglewalla dapat dilihat melalui contoh pakej lawatan Kilim Geoforest Park yang diberikan dalam laman web:

Kilim Geo Park: Life on the Brink. This tour takes us to the north east of Langkawi where we take a boat and explore some of the most beautiful seascapes Malaysia has to offer. Join our geopark guide on this most memorable outing of the best Langkawi has to offer and take home lasting impressions of this magical place.

Sheer limestone cliffs, fiords and seastacks majestically rise like ancient temples out of the ocean. The porous nature of limestone that is continually exposed to the dehydrating sun, wind and salt from the oceans have resulted in the growth of a unique flora some of which cannot be found anywhere else in the world. Rain and the tidal movements will weather and shape these stunning Karst formations giving rise to numerous caves, crevasses and canyons. Let our experienced guide take you back into time so pack your camera for a tour surely not to be missed.

Syarikat pelancongan *Golden Eagle Travel and Tours Sdn Bhd* (<http://langkawi-goldeneagle.com/aboutus.html>) juga menggunakan nama Langkawi Geopark dalam laman webnya:

Langkawi has always been one of Malaysia’s premier holiday destinations with sunny climates, sandy beaches and warm spontaneous smiles of the local people, all packaged together with our natural island attractions. ... Hole in the Wall Fish Farm and Floating Restaurant in Kilim River (Langkawi Geopark) has been our major product as it is owned and managed by Hole in the Wall Sdn Bhd.

Salah satu daripada pakej pelancongan syarikat Golden Eagle adalah ekopelancongan, yang meliputi *Machinchang Geoforest Trail*, *Kilim Geopark Mangrove Safari* dan *herbwalks*. Golden Eagle melihat Kilim sebagai ‘Langkawi Geopark’ dan Kilim Geoforest Park sebagai ‘Kilim Geopark Mangrove Safari.’

Di sebaliknya, terdapat syarikat pelancongan yang tidak menyebut langsung Langkawi Geopark. Misalnya, *Honey Zone Holidays and Innovation Sdn Bhd* (<http://honeyzone-langkawi.com/packages.html>) tidak menyebut ‘geopark’ atau ‘Langkawi Geopark’ dalam laman webnya. Tempat-tempat yang dikatakan tarikan Langkawi seperti Makam Mahsuri, kereta kabel, Dataran Lang, Tujuh Telaga, Underwater World, Taman Marin Pulau Payar, Tanjung Rhu, Paya Bakau Kilim – semuanya diiklankan tanpa dikaitkan dengan status Langkawi Geopark.

## PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA PELANCONGAN

Kesemua pengusaha pelancongan yang ditemui mengatakan mereka tidak terlibat dalam perancangan dan pembangunan Langkawi sebagai geopark. Maklum balas mengenai peranan mereka sebagai pengusaha pelancongan di Langkawi geopark tidak menyebut perkataan ‘geopark.’ Namun begitu, sebagai pengusaha pelancongan, mereka sedar peranan mereka sebagai ‘perantara’ antara Langkawi dan pelancong. Apa saja pakej pelancongan dan perkhidmatan yang dibekalkan, pengusaha pelancongan ini mengatakan tanggungjawab mereka adalah untuk mempastikan apa yang diberikan kepada pelancong adalah bermutu dan menepati apa yang diiklankan. Tanggungjawab mereka juga adalah untuk mempastikan segala maklumat tentang Langkawi adalah benar dan tepat, ke arah menambah pengetahuan pelancong tentang sejarah dan keadaan Langkawi. Kesemua pengusaha pelancongan melihat kerjaya mereka sebagai pengusaha pelancongan suatu pekerjaan yang menarik, tetapi mencabar atas sebab-sebab berikut: (1) terdapat banyak persaingan dengan hotel dan pengusaha pelancongan haram; (2) pelancong ke Langkawi adalah ramai, tetapi produk asli Langkawi yang dapat mencirikan Langkawi kurang ketara; (3) keperluan menawarkan pakej pelancongan yang bersifat pendidikan dan memberi peluang kepada pelancong untuk sama-sama memberi makna kepada apa yang diamati dan dialami; (4) keperluan menambah daya tarikan Langkawi kerana persaingan daripada destinasi pelancongan lain semakin meningkat; dan (5) kekayaan sumber alam semulajadi yang menjadi aset utama pelancongan Langkawi, justeru wujud keperluan menjaga alam semulajadi dalam konteks peningkatan bilangan pelancong.

Sebagai rumusan kepada peranan dan tanggungjawab pengusaha pelancongan, dapat dikatakan kesemua pengusaha pelancongan sedar bahawa mereka mempunyai peranan mempromosi Langkawi sebagai geopark, dan bertanggungjawab menjaga keistimewaan alam, sumber geo, bio dan budaya Langkawi. Mereka juga sedar bahawa sebagai perantara, pengetahuan mereka tentang maksud dan matlamat geopark serta kegiatan-kegiatan yang perlu diambil untuk mengekalkan status geopark, perlu ditingkatkan dan diperdalam.

Walau bagaimanapun, pengusaha pelancongan ini melihat status global geopark untuk Langkawi menokok tambah gelaran-gelaran yang sedia ada untuk Langkawi, iaitu bermula dengan Langkawi sebagai Pulau Bebas Cukai (1987), Pulau Lagenda Mahsuri, 99 Pulau Magis, Bandaraya Pelancongan (2001), Langkawi Geopark (2007), dan terkini, Permata Kedah (2008). Gelaran untuk Langkawi berubah dari semasa ke semasa, tetapi yang kekal adalah sumber-sumber alam semulajadi, anekabio,

geo dan sosiobudaya. Menurut pengusaha pelancongan ini, sekiranya sumber-sumber ini tidak dijaga dan dipulihara, mereka akan kehilangan mata pencarian kerana tarikan-tarikan Langkawi akan merosot atau hilang daya tarikannya masing-masing. Justeru, mereka sedar bahawa meskipun mereka tidak terlibat dalam perancangan dan buat putusan, namun mereka perlu berusaha bersama dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mempastikan sumber-sumber tarikan Langkawi dilindungi dan dapat diturunkan dalam keadaan yang baik, kalaupun tidak lebih baik, kepada generasi akan datang.

### MANFAAT DAN PELUANG SEBAGAI PENGUSAHA PELANCONGAN

Pengusaha pelancongan yang ditemui telah ditanya, apakah manfaat Langkawi geopark kepada mereka sebagai pengusaha pelancongan? Jawapan mereka adalah, tidak kira apapun gelaran Langkawi, sama ada sebagai geopark, *nature park*, atau *eco park*, Langkawi tetap akan mendatangkan manfaat kepada kerjaya mereka sebagai pengusaha pelancongan. Pelancong akan datang ke Langkawi kerana Langkawi mempunyai pelbagai tarikan yang dapat memenuhi keperluan mereka yang berlainan. Pelancong khususnya tertarik dengan persepsi Langkawi sebagai pulau berlagenda dan pulau magis.

Seorang pengusaha pelancongan berkata status geopark untuk Langkawi akan meningkatkan peluang perniagaan dalam arena pelancongan, kerana status geopark anugerah GGN UNESCO itu sememangnya satu anugerah istimewa, tidak mudah diperolehi. Status geopark ini memberi peluang kepada pengusaha pelancongan di Langkawi berfikir dan berusaha untuk merekabentuk produk dan pakej pelancongan baru yang melibatkan status Langkawi sebagai geopark.

### PEMERKASAAN

Berkenaan dengan pemerkasaan, pengusaha pelancongan ini mengatakan pembangunan Langkawi sebagai geopark ditentukan oleh pendekatan atas-bawah. Orang awam, khususnya pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam industri pelancongan, tidak diundang untuk ikut serta dalam proses perancangan dan buat putusan. Justeru, pengusaha pelancongan ini tidak berasa mereka berwibawa untuk membuat keputusan mengenai Langkawi. Pada pandangan mereka, sekiranya terdapat penglibatan aktif daripada kalangan pengusaha pelancongan dalam pembangunan Langkawi geopark, kemungkinan pihak bertanggungjawab seperti LADA (Langkawi Development Authority) dapat berganding bahu dengan syarikat-syarikat pelancongan untuk mempastikan Langkawi kekal menjadi geopark dan

destinasi pelancongan terpilih. Menurut pengusaha pelancongan, perlu ada atur cara sistematik tentang pendidikan geopark, dan sistem kawalan tersebut mengenai penguatkuasaan perundangan ke atas perlakuan yang menjelas status Langkawi geopark dan juga mengancam sumber-sumber geo, bio dan budaya Langkawi.

Daripada maklum balas pengusaha pelancongan, kita dapat merumuskan bahawa pengetahuan dan pemahaman pengusaha pelancongan tentang geopark meliputi jarak dari tidak tahu, kepada kurang tahu, kepada amat tahu. Pengusaha pelancongan yang tidak tahu atau kurang tahu tentang geopark tidak menyebut geopark atau Langkawi geopark dalam laman web mereka (bukan semua pengusaha pelancongan ada laman web), dan tidak mempunyai pakej pelancongan yang ‘menjual’ Langkawi geopark. Hanya dua syarikat pelancongan yang menyebut geopark dalam laman web dan juga mempunyai pakej pelancongan yang membawa nama ‘geopark.’ Pengusaha pelancongan sedar mereka berperanan sebagai penghubung penting antara kejayaan Langkawi sebagai geopark dan daya tarikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan unggul. Namun, mereka masih belum menggunakan status ini sepenuhnya. Dalam perkataan lain, mereka belum mengarusperdanakan Langkawi geopark dalam pakej dan perkhidmatan pelancongan mereka. Hanya terdapat dua pengusaha pelancongan yang ditemui menyebut Langkawi geopark dalam laman web, dan seorang pengusaha pelancongan yang ada pakej pelancongan berdasarkan ‘geopark.’

### PELANCONG DAN PENIAGA DI PANTAI CENANG

Satu penyelidikan kecil telah dilaksanakan di Pantai Cenang, Langkawi, untuk memperoleh pandangan pelancong dan para peniaga tentang Langkawi Geopark. Pantai Cenang dipilih sebagai sasaran lokasi kerja lapangan kerana kawasan tersebut merupakan kawasan pantai yang amat popular dengan para pelancong. Terdapat banyak warung dan kedai di sepanjang jalan Pantai Cenang. Seramai 84 orang yang terdiri daripada pelancong dan peniaga Pantai Cenang menjawab soal selidik yang diberikan. Soalan-soalan yang terkandung dalam soal selidik berkaitan dengan pengetahuan tentang geopark; pengetahuan tentang Langkawi sebagai geopark; pengetahuan tentang warisan; dan pengetahuan tentang pemuliharaan.

Daripada jumlah 84 responden ini, 35 (42 peratus) responden adalah orang Langkawi; 15 (18 peratus) berasal dari Kedah; 17 (20 peratus) responden berasal dari negeri-negeri lain di Malaysia; sementara 17 (20 peratus) responden adalah bukan warganegara Malaysia.

### PENGETAHUAN BERKAITAN GEOPARK

Berdasarkan Jadual 3, daripada 72 responden yang menjawab soalan ini, seramai 60 (83 peratus) responden menyatakan bahawa mereka ada pengetahuan tentang geopark, sementara 12 orang (17 peratus) responden mengatakan mereka tiada pengetahuan tentang geopark. Responden dalam kategori umur 60 tahun ke atas mencatat peratus terendah (33 peratus) dari segi pengetahuan tentang geopark.

Apakah yang responden tahu tentang geopark? Jadual 4 memadankan pengertian responden tentang geopark dengan tempat asal responden. Untuk soalan ini, hanya 53 (63 peratus) daripada 84 responden memberi jawapan. Geopark dikatakan merujuk kepada kawasan batuan (36 peratus); tinggalan ratusan tahun (21 peratus); mempunyai keunikan geografi (19 peratus); seperti taman negara (09 peratus); taman geologi (06 peratus); alam semulajadi (03 peratus); Langkawi pelancongan (06 peratus).

Kalau dipadankan dengan tempat asal, lebih ramai responden Langkawi yang menjawab soalan ini (80 peratus), berbanding dengan responden daripada Kedah (47 peratus), responden daripada negeri lain di Malaysia (65 peratus), dan responden luar negara (42 peratus).

Daripada Jadual 4, dapat dilihat keunikan geografi disebut oleh kesemua responden dari dalam dan luar negara. Responden Malaysia juga menampilkan kawasan batuan sebagai satu takrifan untuk geopark, sementara responden luar negara tidak menyebut kawasan batuan.

Tinggalan ratusan tahun juga disebut oleh kesemua kategori responden kecuali responden Kedah.

Kita dapat merumuskan, daripada maklum balas responden, bahawa kesemua responden mentakrifkan geopark dari sudut alam fizikal dan bukan manusia, seperti keunikan geografi, taman geologi, kawasan batuan, taman negara dan alam semulajadi. Maklum balas sebegini mencerminkan pengetahuan tentang komponen geo dan bio dalam konsep geopark, tetapi kurang pengetahuan tentang komponen antropos, iaitu sosiobudaya masyarakat manusia. Sementara itu, maklum balas berkaitan dengan geopark sebagai tinggalan ratusan tahun menampilkan pengetahuan responden tentang dimensi ‘warisan’ dalam konsep geopark, namun jawapan sebegini tidak membolehkan kita mengetahui lebih lanjut warisan apa yang dimaksudkan oleh responden. Pun begitu, tiada responden yang menyebut tentang tiga komponen asas yang terkandung dalam konsep geopark iaitu perlindungan dan pemuliharaan, pembangunan infrastruktur bersabit dengan pelancongan dan pembangunan sosio-ekonomi.

### PENGETAHUAN MENGENAI LANGKAWI GEOPARK

Seramai 79 (94 peratus) daripada 84 responden telah menjawab soalan berkaitan pengetahuan mereka mengenai Langkawi geopark. Daripada 79 responden ini, 57 (72 peratus) responden berkata mereka tahu tentang Langkawi Geopark, dan 22 responden kata mereka tidak

JADUAL 3. Pengetahuan Berkenaan Geopark (%)

Geopark / Umur (Tahun)	<20	21-30	31-40	41-50	51-60	> 60	Jumlah
Ya	12 (86)	24 (77)	8 (100)	9 (100)	6 (86)	1 (33)	60 (83)
Tidak	2 (14)	7 (23)	0 (0)	0 (0)	1 (14)	2 (67)	12 (17)
Jumlah	14 (100)	31 (100)	8 (100)	9 (100)	7 (100)	3 (100)	72 (100)

Nota: 12 orang tidak menjawab soalan ini

Sumber: Data Lapangan 2010

JADUAL 4. Maksud Geopark (%)

Tempat asal / maksud geopark	Langkawi	Kedah	Negeri lain	Bukan warganegara	Jumlah
Keunikan geografi	4 (14)	1 (14)	2 (18)	3 (43)	10 (19)
Sepert taman negara	1 (4)	0	4 (36)	0	5 (9)
Taman geologi	0	2 (29)	0	1 (14)	3 (6)
Tinggalan ratusan tahun	7 (25)	0	3 (28)	1(14)	11 (21)
Alam semulajadi	0	0	0	2 (29)	2 (3)
Kawasan batuan	13 (46)	4 (57)	2 (18)	0	19 (36)
Langkawi pelancongan	3 (11)	0	0	0	3 (6)
Jumlah	28 (53)	7 (13)	11 (21)	7 (13)	53(100)

Nota: 31 orang tidak menjawab soalan ini

Cara membaca: 4 (14%) daripada 28 responden Langkawi memberi maksud geopark sebagai ‘keunikan geografi’

Sumber: Data Lapangan 2010

tahu. (Jadual 5). Kalau dipadankan responden yang tahu tentang Langkawi Geopark dan tempat asal, didapati responden daripada Langkawi mencatat peratus yang lebih tinggi daripada responden lain, iaitu 86 peratus berbanding dengan responden Kedah (80 peratus), responden negeri-negeri lain (65 peratus) dan responden luar negara (24 peratus).

JADUAL 5. Pengetahuan Tentang Langkawi Geopark Mengikut Tempat Asal (%)

Tempat asal	Tahu
Langkawi	30 (86)
Kedah	12 (80)
Negeri lain di Malaysia	11 (65)
Luar negara	4 (24)
Jumlah	57

Sumber: Data Lapangan 2010

Responden Langkawi dan juga Kedah, selaku ‘orang tempatan’ (memandangkan Langkawi adalah salah sebuah daerah di negeri Kedah), seharusnya lebih tahu tentang Langkawi Geopark berbanding dengan responden dari negeri lain, dan juga luar negara. Responden Langkawi khususnya lebih terdedah kepada pelbagai maklumat seperti brosur, papan tanda, taklimat yang disediakan oleh agensi-agensi tertentu seperti Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Menurut responden juga, status geopark memberi faedah kepada Langkawi. Antara faedah yang paling utama ialah dapat membantu menarik pelancong untuk terus datang melawat Langkawi. Geopark menjadi satu jenama baru yang dapat membawa bilangan pelancong tempatan dan asing ke Langkawi kerana keinginan pelancong untuk mengetahui tentang Langkawi Geopark dengan lebih mendalam. Selain itu, dengan adanya status geopark, aktiviti pemuliharaan di Langkawi menjadi satu komponen yang penting. Hal ini bersesuaian dengan kehendak geopark yang menginginkan kawasan yang diisytiharkan sebagai geopark dipulihara dengan baik. Selain daripada aspek pemuliharaan, geopark juga mengutamakan penglibatan komuniti tempatan, maka secara tidak langsung geopark

dapat membantu dari segi ekonomi penduduk melalui penglibatan mereka seperti membuka perniagaan makanan dan perkhidmatan kereta sewa.

Daripada maklum balas responden tentang Langkawi Geopark, dapat dirumuskan bahawa responden yang tahu tentang Langkawi Geopark sebahagian besarnya adalah orang Langkawi dan Kedah. Juga, maklum balas responden menunjukkan mereka bukan setakat tahu, tetapi juga faham hasrat di sebalik Langkawi Geopark, iaitu ke arah pemuliharaan Langkawi dan peluang kepada orang Langkawi untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan melalui pelancongan geopark (geopark tourism).

Apabila ditanya di manakah kawasan Langkawi Geopark, maklum balas yang diberikan juga pelbagai. Daripada 55 orang (66 peratus) responden yang menjawab soalan ini, 40 orang (72 peratus) responden kata Sungai Kilim; enam orang (10 peratus) kata seluruh Langkawi; tiga orang responden (06 peratus) kata Ulu Melaka; tiga orang (06 peratus) kata kereta kabel; dan tiga orang (06 peratus) kata 99 pulau Langkawi (Jadual 6).

Berdasarkan Jadual 6 juga, kebanyakan responden (82 peratus) yang berasal dari Langkawi berpandangan Langkawi Geopark adalah Sg Kilim; seluruh Langkawi (07 peratus); Ulu Melaka (07 peratus); dan kereta kabel (04 peratus). Bagi responden Kedah, mereka hanya memberi dua tempat sahaja, iaitu Sg Kilim (89 peratus) dan 99 pulau (11 peratus). Responden dari negeri lain di Malaysia juga memberi jawapan pelbagai. 62 peratus mengatakan Sg Kilim; 14 peratus menyebut seluruh Langkawi; masing-masing 8 peratus kata Ulu Melaka, kereta kabel dan 99 pulau. Responden dari luar negara pula mengatakan kawasan Langkawi Geopark adalah Sg Kilim (20 peratus); seluruh Langkawi (40 peratus); sementara masing-masing 20 peratus menyebut kereta kabel dan 99 pulau.

Apakah keistimewaan Langkawi Geopark? Seramai 58 (69 peratus) responden menjawab soalan ini. Langkawi Geopark dikatakan mempunyai keistimewaan berikut: flora dan fauna (31 peratus); tempat menarik dan bersejarah (26 peratus); kecantikan semulajadi (24 peratus); bentuk rupa bumi (16 peratus); dan pemeliharaan kawasan geologi (03 peratus).

JADUAL 6. Kawasan Langkawi Geopark (%)

Tempat asal/kawasan geopark	Sg Kilim	Seluruh Langkawi	Ulu Melaka	Kereta kabel	99 Pulau	Jumlah
Langkawi	23 (82)	2 (7)	2 (7)	1(4)	0	28
Kedah	8 (89)	0	0	0	1 (11)	9
Negeri lain	8 (62)	2 (14)	1 (8)	1 (8)	1 (8)	13
Bukan warganegara	1 (20)	2 (40)	0	1 (20)	1 (20)	5
Jumlah	40 (72)	6 (10)	3 (6)	3 (6)	3 (6)	55

Sumber: Data Lapangan 2010

## PENGETAHUAN MENGENAI WARISAN DAN PEMULIHARAAN

Konsep warisan penting dalam takrifan geopark, di mana sumber geologi, bio dan sosiobudaya yang istimewa dan jarang ditemui di tempat lain dianggap sebagai warisan dan perlu dilindung dan dipulihara. Adakah responden di Pantai Cenang memahami maksud warisan dan pemuliharaan?

Apabila ditanya mengenai maksud warisan, daripada 73 responden yang menjawab soalan ini, 14 peratus berkata alam semulajadi; 62 peratus berkata adat resam, budaya & sejarah; 04 peratus menyebut milikan bersama dan pemeliharaan; dan 20 peratus berkata tarikan dan kelainan.

Bagi soalan mengenai maksud pemuliharaan, daripada 69 (82 peratus) responden yang menjawab soalan ini, seramai 20 (29 peratus) responden melihat pemuliharaan sebagai penjagaan alam sekitar; 17 (25 peratus) responden mengatakan pemuliharaan adalah penjagaan benda-benda lama; sementara 32 (46 peratus) responden lain melihat pemuliharaan sebagai apa saja usaha pengekalan, pemuliharaan, pemeliharaan, pengawalan dan perlindungan. Kalau dipadankan dengan tempat asal, didapati responden luar negara (50 peratus) lebih mengaitkan pemuliharaan dengan penjagaan alam sekitar, berbanding dengan responden Langkawi (16 peratus), responden Kedah (30 peratus) dan responden Malaysia dari negeri lain (36 peratus). Responden Malaysia keseluruhannya lebih menekankan penjagaan benda-benda lama atau usaha-usaha berkaitan dengan pengekalan, pemuliharaan, pemeliharaan, pengawalan, perlindungan.

Daripada maklum balas responden yang ditemui di Pantai Cenang, Langkawi, penulis dapat membuat beberapa rumusan:

1. Responden memberi takrifan geopark melalui kata-kata yang berkaitan dengan perkataan ‘geopark’ (geo + park) itu sendiri, seperti keunikan geografi, taman geologi, kawasan batuan, taman negara dan alam semulajadi. Justeru, responden berkecenderungan untuk melihat geopark dari segi alam fizikal, melalui benda-benda fizikal yang dapat dilihat, seperti maklum balas yang diberikan mengenai kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai ‘Langkawi Geopark,’ iaitu 99 pulau, Sg Kilim, batu-batuhan dan kereta kabel.
2. Responden faham kawasan-kawasan yang terangkum dalam ‘geopark’ dan ‘Langkawi Geopark’ telah wujud beribu, malah berjuta tahun, maka kawasan-kawasan ini adalah warisan turun temurun.
3. Walau bagaimanapun, dari segi pemahaman dan kesedaran responden mengenai tiga komponen asas yang mencirikan konsep geopark, iaitu (1) perlindungan dan pemuliharaan warisan geologi, kepelbagaiaan bio dan budaya, (2) pembangunan infrastruktur pelancongan, dan (3) pembangunan sosioekonomi komuniti tempatan, masih belum

terserlah. Rumusan ini dibuat melalui maklum balas responden tentang keistimewaan Langkawi Geopark, di mana hanya tiga peratus responden yang mengaitkan keistimewaan Langkawi Geopark dengan perkataan ‘pemeliharaan,’ iaitu pemeliharaan kawasan geologi.

Responden Pantai Cenang masih belum tahu dan tidak faham bahawa hasrat pengwujudan geopark bertujuan untuk mengimbangi keperluan perlindungan dan pemuliharaan tri-warisan (geo, bio, budaya) dan keperluan meningkatkan pengetahuan komuniti tempatan dan pelancong tentang keistimewaan tri-warisan ini. Peningkatan pengetahuan ini dikatakan dapat dicapai melalui penglibatan langsung dan aktif komuniti tempatan dalam kegiatan sosio-ekonomi yang berkaitan dengan perlindungan dan pemuliharaan tri-warisan tersebut. Bagi pelancong, peningkatan pengetahuan ini dikatakan dapat dicapai melalui pembangunan infrastruktur pelancongan yang membolehkan pelancong menikmati keistimewaan tri-warisan yang ada dalam geopark. Namun, penglibatan aktif dan pengalaman pelancongan tidak mungkin akan berjaya menghasilkan komuniti tempatan, pengusaha pelancongan dan pelancong yang berpengetahuan, berpenghayatan dan beramal terhadap intipati geopark sekiranya ilmu pengetahuan tentang tri-warisan tersebut tidak disalurkan kepada mereka.

## KESIMPULAN

Geopark merupakan satu usaha murni untuk memastikan sumber-sumber geologi yang mempunyai sejarah dan keistimewaan tersendiri di samping mempunyai hubungan bermakna dengan sumber-sumber biologi serta kehidupan komuniti tempatan dilihat sebagai warisan dan diberi perlindungan sewajarnya. Sebagaimana dinyatakan dalam bahagian awal makalah ini, matlamat geopark adalah untuk melahirkan komuniti manusia yang berpengetahuan tentang warisan geo-bio dan hubungannya dengan warisan sosiobudaya tempatan; menghayati kepentingan melindung dan memulihara kedua-dua warisan tersebut; mengamalkan kegiatan lestari dan mesra warisan. Penulis makalah menyifatkan matlamat ke arah penghasilan ‘manusia berpengetahuan, berpenghayatan dan beramal’ yang terangkum dalam konsep geopark sebagai mendasari ‘semangat kawi’ – suatu semangat yang mendokong prinsip perlindungan dan pemuliharaan warisan tabii dan warisan sosiobudaya manusia. Daripada perbincangan mengenai pemahaman komuniti Kuala Teriang, pengusaha pelancongan Langkawi, pelancong serta peniaga Pantai Cenang, Langkawi, apakah kita boleh katakan ‘semangat kawi’ ini sudah ada dalam diri responden yang ditemui?

Dalam kalangan pengusaha pelancongan yang ditemui, pada satu pihak, mereka mengakui kepentingan

sumber tabii dan budaya di Langkawi dalam usaha menjamin kelestarian industri pelancongan Langkawi. Namun, pada satu pihak lain, mereka melihat perlindungan dan pemuliharaan sumber-sumber ini sebagai faktor perlindungan alam, dan bukan sebagai faktor status Langkawi Geopark. Untuk mencapai penerimaan antarabangsa dan khususnya untuk menjamin penerusan status Langkawi sebagai UNESCO Global geopark, Langkawi memerlukan pengusaha pelancongan yang dapat bertindak sebagai duta Langkawi Geopark, dan bersuara untuk Langkawi Geopark. Perlu diadakan program-program pendidikan awam untuk pengusaha pelancongan ini mengenai kepentingan mengarusperdanakan syarikat pelancongan mereka dan pakej pelancongan yang ditawarkan dengan status Langkawi sebagai global geopark. Untuk mempastikan keadaan ini berlaku, pengusaha pelancongan perlu didedahkan mereka kepada tiga komponen asas yang mencirikan kewujudan sebuah geopark: perlindungan dan pemuliharan triwarisan geo, bio, budaya; pembangunan infrastruktur pelancongan; dan pembangunan sosio-ekonomi melalui penglibatan langsung komuniti tempatan dalam peluang-peluang keusahawanan baru.

Pada masa yang sama, responden Kuala Teriang juga telah menunjukkan bahawa mereka masih tidak jelas bagaimana mereka dapat turut serta dalam usaha memajukan Langkawi sebagai geopark. Mereka bangga Langkawi diberi pengiktirafan oleh satu badan antarabangsa, namun mereka tidak tahu apa yang mereka boleh dan perlu buat sejajar dengan status Langkawi sebagai global geopark.

Pada tahun 2011, Langkawi akan dikunjungi kumpulan penilai sebagai wakil GGN UNESCO untuk dipertimbangkan keanggotaan Langkawi Geopark dalam GGN UNESCO. Dengan itu, wujud keperluan berganding bahu dan berusaha bersama dalam kalangan semua pihak berkepentingan, ke arah meningkatkan pengetahuan dan pemahaman, perkongsian nilai bersama, kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab, kesedaran tentang manfaat dan peluang, serta perasaan pemerkasaan untuk bertindak atas kehendak sendiri, mengenai Langkawi sebagai geopark.

Dengan *tagline* yang berbagai-bagai, Langkawi sememangnya mempunyai akar umbi yang kuat untuk terus menjadi destinasi pelancongan yang berdaya tarikan tinggi. Pada 16 Julai 2008, Langkawi mendapat gelaran baru - *Langkawi Permata Kedah* – sempena sambutan Jubli Emas Sultan Kedah. Ketika membuat deklarasi tersebut, Sultan Kedah mengatakan pemilihan nama baru ini adalah supaya pelancong antarabangsa akan melihat dan mengiktiraf Langkawi sebagai sebahagian daripada negeri Kedah (Star Online 2008). Menurut seorang pengusaha pelancongan, sebagai salah satu daerah daripada 12 daerah yang ada di negeri Kedah, Langkawi sememangnya sebutir ‘batu permata’ yang berharga untuk Kedah, (sebelas daerah lain di negeri Kedah adalah Kota Setar, Kuala Muda, Kulim,

Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Baling, Yan, Pendang, Bandar Baharu dan Pokok Sena).

Dalam perkataan lain, wujud keperluan untuk menjelaki semangat ‘kawi’ dalam sanubari dan minda semua pihak berkepentingan, baik agensi kerajaan, syarikat pelancongan dan pengusaha pelancongan, komuniti tempatan, mahupun pelancong, agar setiap warga ini dapat bernafas dan bertindak atas landasan yang sama dan sepunya, iaitu sebagai ‘geoparkian’ – suara dan wakil Langkawi Geopark.

#### PENGHARGAAN

Kumpulan penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengusaha pelancongan, penduduk Kuala Teriang dan pelancong yang terlibat dalam kerjalapangan ini; juga kepada semua ahli GAMAT – Prof. Dr. Rahimah Abdul Aziz, Datin Paduka Dr. Halimatou Saadiah Hashim, Dr. Geraldine Chan Kim Ling dan Puan Sarah Aziz, serta Mohd Ridhwan (RA) dan Chan Kai Yip (GRA). Penghargaan khas kepada Puan Sarah Aziz yang telah mengilhamkan tajuk asal makalah ini, “*Finding the kawi spirit.*” Penulis juga merakamkan penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang membiayai penyelidikan ini melalui geran UKM-GUP-PLW-08-11-048.

#### RUJUKAN

- Golden Eagle Travel and Tours Sdn Bhd (<http://langkawi-goldeneagle.com/aboutus.html>)
- Halimatou Saadiah Hashim et.al. 2010. *Governans untuk Geopark: Langkawi Geopark sebagai Acuan.* *AKADEMIKA* Jld. 80: 37-52. *Geopark Peraga Pembangunan Lestari Wilayah (Keluaran khas).* Bangi: Penerbit UKM.
- Honey Zone Holidays and Innovation Sdn Bhd (<http://honeyzone-langkawi.com/packages.html>)
- Howard, P. 2003. *Heritage: Management, Interpretation, Identity.* London: Continuum.
- Ibrahim Komoo. 2004. *Geoheritage Conservation and Its Potential for Geopark Development in Asia-Oceania.* Dalam *Warisan Geologi Malaysia* (Geological Heritage of Malaysia). Mohd Shafeea Leman & Ibrahim Komoo. (Pnyt.). 221-230. Bangi: LESTARI UKM.
- Ibrahim Komoo. 2010. *Geopark Sebagai Peraga Pembangunan Lestari Wilayah.* *AKADEMIKA* 80: 7-16.
- ImageShack 2010. *Malaysia Map.* <http://img87.imageshack.us/i/malaysiamap200501d.jpg/>. Dimuateturun pada 8 Februari 2010.
- Jabatan Warisan Negara. 2008. [http://www.warisan.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=175&Itemid=166](http://www.warisan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=175&Itemid=166). Dimuateturun pada 8 Oktober 2010.
- JungleWalla Tours. 2009. *Special Interest Tours: Langkawi Geopark Tour.* <http://www.junglewalla.com/langkawi-nature-tours/langkawi-geopark-tour.html>. Dimuateturun pada 8 Februari 2010.
- JungleWalla Tours. 2009. *Special Interest Tours: Langkawi Lifestyle Tour.* <http://www.junglewalla.com/langkawi-nature-tours/langkawi-lifestyle-tour.html>. Dimuateturun pada 8 Februari 2010.

- Langkawi Development Authority (Tourism Division). 2010. Tourism statistics. <http://lada.gov.my/tourism/index.php/statistic/>. Dimuatturun pada 7 Februari 2010.
- Langkawi Development Authority. 2010. Langkawi Geopark. <http://www.langkawigeopark.com.my/>. Dimuatturun pada 7 Februari 2010.
- McKeever, P.J. 2009. *The UNESCO Global Network of National Geoparks: Geological Heritage and Sustainability*. LESTARI Public Lecture No. 7. Bangi: LESTARI UKM.
- Mohd Shafeea Leman, Kamarulzaman Abdul Ghani, Ibrahim Komoo & Norhayati Ahmad. (Pnyt.). 2007. *Langkawi Geopark*. Bangi: LESTARI, UKM and LADA Publication.
- Nur Hafizah Yusoff. 2010. Data kerjalapangan. Tesis Sarjana bertajuk Kelestarian Langkawi Geopark: Penglibatan komuniti Kuala Teriang (dalam proses). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM Bangi.
- Official Kedah State Government Tourism Portal. 2008. Langkawi Brochure. [http://www.visitkedah.com.my/pdf/02\\_brochure\\_langkawi.pdf](http://www.visitkedah.com.my/pdf/02_brochure_langkawi.pdf). Dimuatturun pada 7 Februari 2010.
- Ong Puay Liu & Sharina Abd Halim. 2009a. Langkawi Global Geopark: Views of the Local Community, Tourists and Tour Operators. Kertas kerja dibentangkan dalam World Civic Forum 2009, anjuran Kyung Hee University, Seoul, Korea dan United Nations Department of Economic and Social Affairs (UNDESA), di COEX, Seoul, Korea, 5-8 Mei 2009.
- Ong Puay Liu et al. 2010. Langkawi Geopark and the Making of ‘GeoParkians’ out of Langkawians: Experience from Within. Kertas kerja dibentangkan dalam Simposium Kebangsaan Warisan dan Pemuliharaan, anjuran Sustainable Regional Development Research Niche, di Awana Porto Malai, Langkawi, 26-28 Februari 2010.
- Ong Puay Liu. 2009b. Bridging Heritage Conservation and Ethnic Revivalism through Geotourism: Case of Langkawi Geopark, Malaysia and Shilin Stone Forest Geopark, Kunming, China (*tajuk diubahsuai: GEOPARK as Development Tool for Sustainable Geoheritage Tourism: Case of Langkawi Geopark, Malaysia and Shilin Stone Forest Geopark, Kunming, China*). Kertas kerja dibentangkan dalam International Convention of Asian Scholars (ICAS 6), anjuran ICAS dan Chungnam National University, Korea, di Daejeon, Korea, 6-9 Ogos 2009.
- Othman Yatim. 2005. Pembudayaan Muzium, Pelestarian Warisan dan Pembinaan Bangsa. Syarahan Perdana. November 18, 2005, Universiti Malaya.
- Pilgrim, S. & Pretty, J. (Sunt.). 2010. *Nature and Culture: Rebuilding Lost Connections*. London: Earthscan.
- Rami, E.A., Mason, R. & de la Torre, M. (Sunt.). 2000. *Values and Heritage Conservation: Research Report*. Los Angeles: The Getty Conservation Institute.
- Star Online. 2007. Langkawi given geopark status. 8 Jun. <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2007/6/8/nation/17962886&sec=nation>. Dimuatturun pada 8 Februari 2009.
- UNESCO. 2010. *Guidelines and Criteria for National Geoparks seeking UNESCO's assistance to join Global Geoparks Network (GGN) (April 2010)*. <http://www.unesco.org/science/earth/doc1geopark/2010guidelines.pdf>. Dimuatturun pada 29 September 2010.
- United Nations Department of Economic and Social Affairs (Division for Sustainable Development). 2009. *Agenda 21: Chapter 40*. <http://www.un.org/esa/sustdev/documents/agenda21/english/agenda21chapter40.htm>. Dimuatturun pada 6 Februari 2010.
- United Nations Department of Economic and Social Affairs (Division for Sustainable Development). 2009. *Johannesburg Plan of Implementation: IV Protecting and managing the natural resource base of economic and social development [No.43]*. [http://www.un.org/esa/sustdev/documents/WSSD\\_POI\\_PD/English/POIChapter4.htm](http://www.un.org/esa/sustdev/documents/WSSD_POI_PD/English/POIChapter4.htm). Dimuatturun pada 8 Februari 2010.
- Ong Puay Liu, PhD.  
Institut Kajian Etnik (KITA)  
Aras 4, Bangunan Pentadbiran  
Kolej Keris Mas  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Malaysia  
Emel: puayliu@yahoo.com
- Nur Hafizah bte Yusoff  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Malaysia  
Emel: syamrieza\_2691@yahoo.com
- Sharina Abdul Halim, PhD.  
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
Malaysia  
Emel: sharinahalim@gmail.com